

TARIKH : 3 MEI 2021
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 24

Bisnes

Oleh Sri Ayu Kartika Amri
kartika@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Rakyat Malaysia mampu beralih lebih cepat kepada ekonomi digital khususnya dalam penggunaan e-dompet sekiranya kerajaan dapat mempertimbangkan untuk mengkreditkan RM100 setiap bulan ke e-dompet penerima khususnya golongan B40 bagi digunakan membeli keperluan asas termasuk makanan.

Prof Madya Dr Anuar Shah Bali Mahomed dari Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE), Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, kerajaan juga boleh membatikkan pengusaha kedai runcit, kedai makanan di restoran, penjaja dan peniaga kecil makanan di warung dan gerai serta perkhidmatan penghantaran makanan untuk mendaftar e-dompet supaya mereka boleh menerima manfaat daripada pembelian daripada kumpulan B40 yang menerima kredit RM100 itu.

"Ia secara tidak langsung akan mempercepat dan memperluas penggunaan e-dompet dan seterusnya merancakkan semula ekonomi rakyat dan negara.

"Jumlah kos yang terbabit juga mampu ditampung kerajaan disebabkan oleh bayaran dilaksanakan secara bulanan dengan nilai kredit RM100 sahaja sebulan.

"Mengambil kira angka semasa pembentangan Belanjawan 2021 iaitu seramai lapan juta penerima B40,



KERAJAAN berusaha memperkasa penggunaan e-dompet dalam Belanjawan 2021 melalui Program eBelia iaitu mengkreditkan RM50 secara sekali beri ke dalam akaun e-dompet mereka yang berusia antara 18 hingga 20 tahun.

KREDIT RM100 SETIAP BULAN

Cadangan kepada kerajaan untuk golongan B40 beli keperluan asas boleh mempercepat peralihan ke arah ekonomi digital



Jumlah kos yang terbabit juga mampu ditampung kerajaan disebabkan oleh bayaran dilaksanakan secara bulanan dengan nilai kredit RM100 sahaja sebulan"

Dr Anuar Shah Bali Mahomed

maka unjuran jumlah peruntukan bulanan yang dikreditkan dalam e-dompet B40 adalah RM800 juta sebulan dan RM9.6 bilion un-

tuk setahun.

"RM9.6 bilion adalah sekitar 3.0 peratus sahaja jika dibuat perbandingan jumlah keseluruhan Belanjawan 2021 iaitu RM322.5 billion," katanya kepada Bisnes Metro.

Menurutnya, inisiatif ini juga secara tidak langsung akan dapat membantu ekonomi Bumiputera khususnya yang terbabit dalam industri makanan.

Beliau berkata, ini dapat dilihat dengan jelas apabila perniagaan di restoran, warung dan gerai ketika ini amat terjejas serta dilihat tidak seranacak seperti sebelum pandemik Covid-19.

"Melalui inisiatif ini, maka ia adalah inisiatif serampang dua mata iaitu membantu kumpulan B40 untuk memberi barangan keperluan harian termasuk makanan melalui penggunaan e-dompet.

"Kedua, untuk menarik lebih ramai rakyat Malaysia termasuk peniaga makanan turut serta menggunakan e-dompet secara berterusan dan konsisten dalam perniagaan masing-masing yang akhirnya akan dapat meningkatkan pendapatan mereka," katanya.

Dalam Belanjawan 2021, usaha memperkasakan e-dompet melalui Program

eBelia iaitu mengkreditkan RM50 secara sekali beri ke dalam akaun e-dompet mereka yang berusia antara 18 hingga 20 tahun.

Ia memberi manfaat kepada kira-kira 1.5 juta belia dengan peruntukan RM75 juta.

Usaha berterusan kerajaan dalam meningkatkan penggunaan e-dompet ini selari dengan Teras 01, Inisiatif 9 di dalam Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDigital) iaitu meningkatkan terminal penjualan, melaksanakan penggunaan antara muka pembayaran bersatu (UPI) dan penggunaan dompet digital.